



**PENGARAH** Eksekutif Asia-Pacific Development and Communication Centre Dr Peter F Chen, antara yang mengendalikan bengkel itu.

## CICN UMS, UNICEF jayakan Bengkel C4D

UB 17-8-2017 4

**UNIVERSITI** Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (CICN) dengan kerjasama United Nation Children Emergency Fund (UNICEF) telah mengadakan Bengkel Communication for Development (C4D) di Galeri Majlis UMS.

Timbalan Pengarah CICN Prof Madya Dr Sivakumar Kumaresan berkata, program itu bertujuan membantu kakitangan UMS dan rakan kerjasama universiti untuk meningkatkan keupayaan dalam sebarang aktiviti bersama komuniti serta memperoleh cara penyelesaian yang mampan apabila berkhidmat dengan

masyarakat.

“UMS juga berhasrat untuk bekerja lebih rapat dengan masyarakat melalui penglibatan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

“Justeru, bengkel ini bukan sahaja mampu memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari metodologi baharu, tetapi juga mewujudkan jalinan baharu untuk pelbagai kerjasama pada masa hadapan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis berkenaan pada Selasa.

Sivakumar berkata, sebagaimana yang digariskan dalam Bidang

Keberhasilan Utama UMS ke-6 (UMS KRA-6), iaitu Mempertingkatkan Penglibatan Komuniti dan Industri, adalah menjadi tanggungjawab CICN untuk memastikan KRA itu tercapai.

“Oleh itu, CICN telah menyelaraskan pelbagai geran berkaitan komuniti seperti Program Pemindahan Pengetahuan (KTP), geran Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), dan geran Pusat Transformasi Masyarakat Universiti (UCTC) untuk tujuan itu,” katanya.

Bengkel yang disertai seramai 30 orang peserta itu berlangsung selama lima hari dan akan berakhir pada 18 Ogos ini.